

CNS3974

B GB 30-01 00193 BA071

aab

Mahathir - OIC

NEGARA ISLAM HARUS PUNYAI SUARA LANTANG DALAM PBB, KATA MAHATHIR

I

PETALING JAYA, 30 Jan (Bernama) -- Negara-negara Islam bukan sahaja harus bertindak dalam konteks Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tetapi juga bergerak dengan satu suara bagi memainkan peranan utama dalam badan dunia itu, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau lalu menarik perhatian kepada isu Bosnia sebagai contoh sambil berkata, negara-negara Islam tidak dapat berbuat apa-apa kerana masih bergantung kepada Barat terutama untuk membeli senjata.

"Bolehkah kita menghantar tentera kita ke sana. Kita tidak mempunyai senjata. Kita terpaksa beli senjata daripada pihak lain. Oleh itu, sehingga tiba masanya kita boleh berbuat demikian, maka lebih baik kita bertindak dalam konteks PBB," kata beliau semasa berdialog dengan para peserta persidangan Perhimpunan Belia Islam Sedunia (WAMY) di sini yang berakhir hari ini.

Dr Mahathir berkata negara-negara Islam tidak mampu bertindak di luar PBB di kalangan mereka kerana pada umumnya masih lemah atau belum cukup kuat.

Beliau berkata bahawa dengan menganggotai badan dunia itu, negara-negara Islam sekurang-kurangnya boleh mempengaruhi negara lain bertindak untuk kebaikan dunia. -- Lagi

▼30/01/18-38MST

CNS3990

U GB 30-01 00145 BA075

aab

Mahathir - OIC 2 Petaling Jaya

Dr Mahathir berkata bahawa dengan menganggotai PBB juga, negara-negara Islam boleh membantu memberi kesedaran kepada negara-negara anggota PBB yang lain.

Bagaimanapun, ini hanya boleh dilakukan jika negara-negara Islam bertindak dengan satu suara yang lantang, kata beliau.

"Kita perlu mempunyai pendirian bersama atau sekurang-kurangnya majoriti negara Islam bertindak dengan satu suara," kata beliau.

Menurut Dr Mahathir negara-negara Islam tidak dapat melakukan apa-apa yang memberi kesan pada forum antarabangsa.

Beliau berkata contoh jelas negara-negara Islam bertindak tanpa satu suara ialah tentang soal sama ada PBB harus melancarkan operasi tentera untuk membebaskan rakyat Bosnia.

"Apakah ada percanggahan pendapat antara kita. Bukankah kita sedia menghantar tentera kita ke sana bersama tentera negara lain. Tentang isu itupun, kita tidak dapat mencapai persetujuan. Inilah punca kelemahan kita," kata beliau. -- Lagi

▼30/01/19-06MST

CNS3996

U GB 30-01 00114 BA076

aab

Mahathir - OIC 3 Petaling Jaya

Mengenai keberkesanan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) menangani isu-isu antarabangsa, Dr Mahathir berkata negara-negara anggota sering gagal mencapai persetujuan.

Beliau berkata OIC kadangkala menumpukan perhatian kepada masalahnya sendiri dan tidak memandang kepada senario antarabangsa dengan pandangan yang serupa.

"Akibatnya, kita tidak dapat merumuskan pendekatan terhadap masalah-masalah antarabangsa yang mempunyai kekuatan semua anggota OIC," katanya.

Dr Mahathir berkata percanggahan pendapat di kalangan negara anggota memudahkan pihak lain mengambil kesempatan memainkan isu itu.

Menurut Perdana Menteri, banyak mesyuarat-mesyuarat OIC berlangsung berjam-jam membincangkan sesuatu yang tidak memerlukan banyak perbincangan kerana keputusan boleh dibuat dalam masa yang singkat. -- Lagi

▼30/01/19-13MST

CNS3997

U GB 30-01 00080 BA077

aab

Mahathir - OIC 4 (Akhir) Petaling Jaya

Dr Mahathir berkata negara-negara Islam juga boleh menggunakan kekayaan kurniaan Allah untuk menguatkan hujah-hujah di PBB.

Contohnya, kekayaan daripada hasil minyak boleh digunakan untuk tujuan itu tetapi mereka tidak dapat menggunakannya, kata Perdana Menteri.

"Jika kita menghimpunkan aset yang kita ada, kita boleh mengenakan pengaruh yang kuat ke atas PBB dan boleh mencapai sekurang-kurangnya sesetengah daripada objektif kita," kata beliau. -- Bernama

▼30/01/19-14MST